

Headline	SPNB Dana, MNC Wireless bentuk syarikat usaha sama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	29	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	191 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,752



## SPNB Dana, MNC Wireless bentuk syarikat usaha sama

**SPNB Dana Sdn Bhd** (SPNB Dana), bahagian pembiayaan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan MNC Wireless Bhd, pakar penyelesaian teknologi digital menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membentuk syarikat usaha sama ekuiti.

ia bertujuan menyediakan sokongan kewangan untuk membeli rumah projek perumahan mampu milik SPNB, manakala MNC Wireless dilantik sebagai rakan penyelesaian teknologi kepada SPNB Dana.

Pengerusi SPNB, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata ia selari dengan hala tuju transformasi digital syarikat untuk terus meningkatkan aspek pengurusan antara pelanggan dan rakan perniagaan.

Katanya, platform digital baharu itu akan merangkumi perniagaan kepada pengguna (B2C) dan pemilik rumah projek perumahan SPNB, serta platform perniagaan kepada perniagaan (B2B) untuk rakan perniagaan SPNB.

### Bantu miliki rumah impian

"Matlamat kami adalah untuk membantu rakyat memiliki rumah impian. Usaha sama ekuiti ini mampu merealisasikan hasrat berkenaan dan membolehkan kami untuk terus menyokong pembeli rumah serta mendigitalkan proses perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani MoU antara SPNB Dana dan MNC Wireless di Kuala Lumpur, semalam.

SPNB Dana dan MNC Wireless masing-masing diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hilmy Abdul Malik dan Christopher Tan.

Laman web itu dibangunkan dengan navigasi mesra pengguna yang dapat meningkatkan tahap keterbabitian, selain akses lebih cepat dan komprehensif ke atas maklumat projek SPNB.

Setakat ini, SPNB membangunkan 35 projek perumahan membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM6 bilion.

Sementara itu, Hilmy berkata, setakat tahun lalu SPNB sudah membina 14,728 unit kediaman mesra rakyat dan 5,152 unit dijangka siap tahun ini. Manakala, 20,000 unit lagi akan dibangunkan dalam tempoh tiga tahun bermula 2018 dengan kerjasama FELDA.

Fakta  
nombor

**35** PROJEK  
perumahan di banguangkan SPNB

**RM6** BILION  
nilai pembangunan kasar